

TARIKH	13 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	36	RUANGAN	Setempat

'Guna saluran betul'

Tindakan guna visa umrah tunaikan haji di Makkah cemar nama baik, reputasi jemaah Malaysia

Hayati Ibrahim

PUTRAJAYA: "Dalam tidak dapat menerima (tin-soal beribadat kita perlu dakan itu) kerana visa di-lebih bersuci hati, ikhlas dan mengikut peratu-an yang sudah ditetapkan dia menggunakan kesempa-tihak berkusa Arab Saudi,

laupun niatnya baik iaitu mengerjakan haji, tetapi peraturan juga untuk kebaikan," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharam.

Beliau mengulas tindakan sekumpulan jemaah Malaysia yang menggunakan visa umrah untuk tinggal lebih masa bagi mengerjakan haji dan mengikuti kelas pengajian di Makkah.

Katanya, tindakan itu boleh mencemarkan nama baik dan reputasi jemaah Malaysia yang dianggap sebagai individu amat berdisiplin, tertib dan mematuhi segala peraturan ditetapkan Arab Saudi setiap kali musim haji.

"Bukan hanya dari sudut peraturan, tetapi undang-ung kedua-dua negara juga

dikatakan berbuat demikian apabila hanya 50 daripada 300 jemaah ke Tanah Suci dengan visa unirah melalui sebuah agensi pelancongan pulang ke tanah air mengikut jadual penerbangan seperti ditetapkan, ba-

ru-baru ini manakala yang lain tinggal lebih masa, ma-lah ada 'hilang' bersama pas-port masing-masing.

"Jadi, bagi saya dalam konteks untuk melakukan ibadat kepada Allah, jangan me-langgar batas peraturan yang ditetapkan Arab Saudi, visa umrah untuk umrah dan visa haji untuk haji," katanya ketika ditemui pemberita se-lepas mengadakan pertemu-an singkat dengan tokoh ulama salafi, Sheikh Abdullah Al-Jalaly dan Mufti Masjidil Haran, Sheikh Suleiman As-Salumi di pejabatnya di sini, semalam.

Dalam laporan, semalam, sekumpulan jemaah Malaysia dikesan menggunakan vi-sa umrah untuk tinggal lebih masa bagi mengerjakan haji dan mengikuti kelas peng-

ajaian di Makkah. Mereka dikatakan berbuat demikian apabila hanya 50 daripada 300 jemaah ke Tanah Suci dengan visa unirah melalui sebuah agensi pelancongan pulang ke tanah air mengikut jadual penerbangan seperti ditetapkan, ba-

ru-baru ini manakala yang lain tinggal lebih masa, ma-lah ada 'hilang' bersama pas-port masing-masing.

Berikut itu, agensi ber-kenaan, Destinasi Travels Sdn Bhd mendapatkan bantuan pihak berkusa Arab Saudi untuk mengesan je-maah terbabit yang berusia antara 12 hingga 70 tahun, semuanya dari Kelantan.

Jamil Khir berkata, perkara itu tidak mempunyai kaitan dengan Tabung Haji kerana visa umrah biasanya dikehluarkan agensi pelancongan tertentu.

"Tabung Haji hanya me-neluarkan visa mengerjakan haji. Jadi, saya nasihatkan jika

mahu mengerjakan ibadat haji guna saluran betul, ja-nang gunakan jalan singkat yang boleh memudaratkan diri sendiri dan juga orang lain," katanya.

Mengenai pertemuan de-nan tokoh ulama dan mufti Masjidil Haram itu, beliau berkata, hubungan baik di antara Malaysia dan Arab Saudi sentiasa terjalin dan ia dibuktikan dengan lawatan balas dua ulama besar ter-babit bertemu Pordana Men-teri, Datuk Seri Najib Tun Razak, kelmarin.

"Kita akan memanfaatkan lawatan ini untuk mengada-kan perbincangan bagi penambahbaikan dan persia-pan sebelum jemaah haji Ma-lyasia berangkat ke Tanah Su-ci."

"Mudah-mudahan kerajaan Arab Saudi sudi mempertim-bangkan pertambahan kuota jemaah haji 10,000 lagi, ta-hun ini," katanya.



UKHUWAH...Jamil Khir (dua dari kanan) bersalaman dengan Sheikh Suleiman selepas mengadakan pertemuan singkat dengan tokoh ulama itu, semalam.